

**SENARAI DAN KRITERIA
ANUGERAH GEMILANG MAHASISWA (GEMA) 2024
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

ANUGERAH GEMILANG MAHASISWA (GEMA) 2024	
ANUGERAH UTAMA	
ANUGERAH NAIB CANSELOR	
<i>*Pemenang anugerah (1) hingga (14) secara automatik layak bertanding untuk mendapat anugerah ini</i>	
ANUGERAH MENGIKUT KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN	
KATEGORI KEPIMPINAN (INDIVIDU)	
1.	ANUGERAH KEPIMPINAN PELAJAR TERBAIK
2.	ANUGERAH PEMIMPIN KOLEJ KEDIAMAN
3.	ANUGERAH PEMIMPIN FAKULTI/PERSATUAN/KELAB
4.	ANUGERAH PEMIMPIN BADAN BERUNIFORM
5.	ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM KEUSAHAWANAN
6.	ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM KEBUDAYAAN
7.	ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI
8.	ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM SUKAN
9.	ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM PENGUCAPAN AWAM
10.	ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM WACANA INTELEK
11.	ANUGERAH PEMIMPIN PELAJAR ANTARABANGSA
KATEGORI KESUKARELAWAN (INDIVIDU)	
12.	ANUGERAH PEMIMPIN SUKARELAWAN (KESEJAHTERAAN KOMUNITI)
13.	ANUGERAH PEMIMPIN SUKARELAWAN (ALAM SEKITAR)
14.	ANUGERAH PEMIMPIN SUKARELAWAN (TERBUKA)

KATEGORI KESUKARELAWAN (PASUKAN)	
15.	ANUGERAH PASUKAN SUKARELAWAN TERBAIK
KATEGORI KEPIMPINAN (PASUKAN)	
16.	ANUGERAH JKM TERBAIK
17.	ANUGERAH KELAB/PERSATUAN TERBAIK
18.	ANUGERAH INISIATIF KEBOLEHPASARAN GRADUAN TERBAIK
19.	ANUGERAH HUBUNGAN INDUSTRI TERBAIK
20.	ANUGERAH ISS TERBAIK
KATEGORI KHAS STAF	
21.	ANUGERAH KHAS TIMBALAN NAIB CANSELOR HEPA (INDIVIDU) KATEGORI • <i>PENGETUA</i> • <i>FELO</i> • <i>PENASIHAT PERSATUAN/KELAB/PROGRAM</i>)
22.	ANUGERAH PEMBANGUNAN PELAJAR KOLEJ KEDIAMAN (PASUKAN)
KATEGORI KHAS PELAJAR	
23.	ANUGERAH KHAS TOKOH SUMBANGSIH
24.	ANUGERAH BAKTI GEMILANG
25.	ANUGERAH KREATIVITI PROGRAM TERBAIK
26.	ANUGERAH KHAS KEPIMPINAN IBNU UMMU MAK TUM
27.	ANUGERAH KEPIMPINAN INOVATIF TAN SRI AINUDDIN WAHID
PENGHARGAAN KHAS	
28.	AKTIVITI TERBAIK
29.	PENGHARGAAN KHAS

KETERANGAN ANUGERAH DIPERTANDINGAKAN

1. **ANUGERAH KEPEMIMPINAN PELAJAR TERBAIK** dibuka kepada mana-mana ahli MPP yang menunjukkan ciri-ciri pengurusan dan pentadbiran berkaitan kesejahteraan dan pembangunan pelajar.
2. **ANUGERAH PEMIMPIN KOLEJ KEDIAMAN** dibuka kepada pemimpin mahasiswa kolej kediaman (individu) yang menunjukkan pencapaian terbaik dan ciri-ciri kepemimpinan berwibawa berdasarkan program-program berimpak tinggi yang dianjurkan oleh kolej kediaman.
3. **ANUGERAH PEMIMPIN FAKULTI/ PERSATUAN/ KELAB** dibuka kepada pemimpin mahasiswa Fakulti/Persatuan/Kelab (individu) yang berdaftar secara rasmi yang menunjukkan pencapaian terbaik dan ciri-ciri kepemimpinan berwibawa berdasarkan program-program berimpak tinggi yang dianjurkan oleh Fakulti/Persatuan/Kelab.
4. **ANUGERAH PEMIMPIN BADAN BERUNIFORM** dibuka kepada pemimpin-pemimpin badan beruniform (individu) yang menunjukkan pencapaian terbaik dan ciri-ciri kepemimpinan berwibawa berdasarkan program-program berimpak tinggi yang dianjurkan oleh badan beruniform.
5. **ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM KEUSAHAWANAN** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) yang menunjukkan pencapaian terbaik dan menganjurkan program-program keusahawanan berimpak tinggi.
6. **ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM KEBUDAYAAN** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) yang menunjukkan pencapaian terbaik dan menganjurkan program-program kebudayaan yang berimpak tinggi.
7. **ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) yang menunjukkan pencapaian terbaik dan menganjurkan program sains, teknologi dan inovasi berimpak tinggi.
8. **ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM SUKAN** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) yang menunjukkan pencapaian terbaik dan menganjurkan program-program sukan berimpak tinggi.
9. **ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM PENGUCAPAN AWAM** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) yang menunjukkan pencapaian terbaik dan menganjurkan program-program Pengucapan Awam seperti debat dan pidato yang berimpak tinggi.
10. **ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM WACANA INTELEK** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) yang menunjukkan pencapaian terbaik dan menganjurkan program/ seminar/ persidangan/ konvensyen/ kolokium/simposium berimpak tinggi.

11. **ANUGERAH PEMIMPIN PELAJAR ANTARABANGSA** dibuka kepada pemimpin mahasiswa antarabangsa (individu) yang menunjukkan pencapaian terbaik dan menganjurkan program-program berimpak tinggi dan memberi kesan kepada komuniti tempatan.
12. **ANUGERAH PEMIMPIN SUKARELAWAN (KESEJAHTERAAN KOMUNITI)** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) yang menunjukkan pencapaian terbaik dan terlibat dengan program kesukarelawanan yang menjurus kepada kesejahteraan komuniti berimpak tinggi dan meningkatkan kesedaran atau taraf ekonomi dan sosial masyarakat.
13. **ANUGERAH PEMIMPIN SUKARELAWAN (ALAM SEKITAR)** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) yang menunjukkan pencapaian terbaik dan terlibat dengan program kesukarelawanan alam sekitar berimpak tinggi dan memberi manfaat kepada alam sekitar melalui program kesedaran, pemeliharaan dan pemuliharaan bagi menjamin kelestarian alam sekitar.
14. **ANUGERAH PEMIMPIN SUKARELAWAN (TERBUKA)** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) yang menunjukkan pencapaian terbaik dan menganjurkan program-program kesukarelawanan berimpak tinggi SELAIN dari kategori 12 dan 13. Seperti program perpaduan, patriotisme, sambutan kemerdekaan dan lain-lain.
15. **ANUGERAH PASUKAN SUKARELAWAN TERBAIK** dibuka kepada mana-mana kumpulan/pasukan/badan/kelab sukarelawan (berpasukan) yang menunjukkan pencapaian terbaik dan menganjurkan program-program kesukarelawanan berimpak tinggi.
16. **ANUGERAH JKM TERBAIK** dibuka kepada mana-mana JKM yang menunjukkan ciri-ciri pengurusan dan pentadbiran yang berwibawa serta penganjuran program yang berimpak.
17. **ANUGERAH KELAB/PERSATUAN TERBAIK** dibuka kepada mana-mana Kelab/Persatuan yang menunjukkan ciri-ciri pengurusan dan pentadbiran yang berwibawa serta penganjuran program yang berimpak.
18. **ANUGERAH INISIATIF KEBOLEHPASARAN GRADUAN TERBAIK** dibuka kepada mana-mana program pembangunan kerjaya yang dianjurkan melibatkan kerjasama dengan industri dan/ atau alumni dalam menjayakan agenda Kebolehpasaran Graduan (Graduate Employability - GE)
19. **ANUGERAH HUBUNGAN INDUSTRI TERBAIK** ini diberikan kepada mana-mana program yang melibatkan hubungan industri (melalui CCIN) secara langsung dengan menggunakan kemahiran dan kepakaran dalam menganjurkan dan menjayakan program yang berimpak.

20. **ANUGERAH ISS TERBAIK** ini diberikan kepada mana-mana *International Student Society* yang menunjukkan ciri-ciri pengurusan dan pentadbiran yang berwibawa serta penganjuran program yang berimpak.
21. **ANUGERAH KHAS TIMBALAN NAIB CANSELOR** diberikan kepada penasihat Kelab/Persatuan/JKM/Program/Akademik yang secara langsung membantu dalam melaksanakan aktiviti berimpak tinggi.
Tiga (3) Kategori : Pengetua, Felo & Penasihat Persatuan/ Kelab/ Program
22. **ANUGERAH PEMBANGUNAN PELAJAR KOLEJ KEDIAMAN** diberikan kepada kolej kediaman yang terdiri daripada pengetua, felo dan pelajar yang merancang, mengurus dan melaksanakan aktiviti dan dokumentasi yang teratur dalam memastikan pembangunan pelajar.
23. **ANUGERAH KHAS TOKOH SUMBANGSIH** dibuka kepada individu yang banyak menyumbang kemahiran dan kepakaran kepada komuniti dalam dan luar kampus seperti terlibat sebagai tutor, penceramah dan fasilitator.
24. **ANUGERAH BAKTI GEMILANG** dibuka kepada individu pelajar yang sentiasa memberikan perkhidmatan dan sokongan kepada pengurusan PTJ dalam Universiti. Pencalonan dibuat oleh PTJ.
25. **ANUGERAH KREATIVITI PROGRAM TERBAIK** Dibuka kepada mana-mana kumpulan pelajar yang menganjurkan program secara kreatif berunsurkan atas talian atau hibrid. Ianya akan menilai kepada kekreatifan pelajar dalam penganjuran program dengan melihat kepada kaedah, peringkat dan impak pelaksanaan.
26. **ANUGERAH KHAS KEPIMPINAN IBNU UMMU MAK TUM** dibuka kepada mahasiswa (individu) orang kurang upaya di UTM yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam menganjurkan program-program berimpak tinggi.
27. **ANUGERAH KEPIMPINAN INOVATIF TAN SRI AINUDDIN WAHID** ini dibuka kepada individu pelajar pascasiswazah di peringkat Sarjana/PhD yang berstatus aktif pada tahun yang dinilai bagi mengiktiraf inovasi penyelidikan yang berpotensi untuk diaplikasikan dalam dunia nyata. Calon bukan sekadar menghasilkan hasil inovasi berimpak tinggi, tetapi turut aktif menyokong pelbagai aktiviti dalam UTM. Anugerah Impak Penyelidikan ditaja oleh Sekolah Pengajian Siswazah.
28. **AKTIVITI TERBAIK** diberikan kepada program yang cemerlang dan memberikan impak yang tinggi. Merupakan antara aktiviti yang dipertandingkan dalam GEMA.
29. **PENGHARGAAN KHAS** dibuka kepada individu/pasukan yang menyertai program dan mendapat pengiktirafan sama ada tempat pertama, kedua atau ketiga dalam semua bidang KECUALI bidang sukan yang telah memberi impak yang tinggi di peringkat Negeri/ Kebangsaan/ Antarabangsa.

KAEDAH & KRITERIA PEMARKAHAN

1. Dokumentasi

a. Kategori Individu


Bil	Aspek
A)	PENGLIBATAN MAHASISWA <ul style="list-style-type: none"> i) Jawatan yang disandang dan peringkat penglibatan ii) Anugerah/Pengiktirafan iii) Penglibatan kumpulan sasaran iv) Bilangan kolaborasi dengan agensi luar v) Nilai Tajaan (selain daripada sumber kewangan universiti) vi) Nilai yang dijana sendiri vii) Komponen Sustainable Development Goals (SDG) viii) Pengurusan Inisiatif
B)	PENCAPAIAN AKADEMIK

b. Kategori Pasukan

Bil	Aspek
A)	PENGLIBATAN PASUKAN <ul style="list-style-type: none"> i) Peringkat Penglibatan ii) Jangka Masa Program iii) Anugerah/Pengiktirafan iv) Bilangan Kolaborasi dengan agensi luar v) Nilai Tajaan (selain daripada sumber kewangan universiti) vi) Nilai yang dijana sendiri vii) Sustainable Development Goals (SDG)
B)	KEBERKESANAN INISIATIF PASUKAN
	<ul style="list-style-type: none"> i) Peringkat inisiatif ii) Agensi yang terlibat

2. Temuduga

- a. Calon yang layak (melepas saringan dokumentasi) akan dipanggil menghadiri sesi temuduga.
- b. Berikut ialah kaedah temuduga :
 - i. Kategori Individu



- ii. Kategori Pasukan

